

Dr. M pulih setelah diserang sakit jantung ringan

Oleh S. ANAND KUMAR
dan SHAMSIAH ZULKAFLI

KUALA LUMPUR 9 Nov. – Bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad dimasukkan ke Institut Jantung Negara (IJN) di sini setelah mengalami serangan jantung yang ringan malam tadi.

Dr. Mahathir, 81, dimasukkan ke Unit Rawatan Koronari (CCU) pada pukul 4.30 pagi dengan ditemani isteri beliau, Tun Dr. Siti Hasmah Mohd. Ali.

Beliau telah diberi ubat sedatif ringan oleh doktor-doktor untuk beliau tidur dan berehat.

Kira-kira pukul 4 petang ini, beliau terjaga dari tidurnya dan sudah mampu bercakap.

“Terlalu banyak berjalan. Saya belum sempat berehat sejak berjalan ke luar negara,” kata Dr. Mahathir kepada salah seorang bekas pegawainya yang melawat beliau petang ini.

Menurut pegawai itu, Dr. Mahathir kelihatan semakin sihat dan ceria.

“Beliau menikmati makan tengah hari iaitu nasi berserta sayur cendawan hitam, sayur salad dan sedikit buah-buahan tempatan.

“Dr. Mahathir juga sempat berjenaka dengan memberitahu bahawa beliau baru 18 tahun apabila diberitahu beliau kini berusia 81 tahun dan dinasihatkan jangan terlalu bekerja keras,” kata pegawai itu.

Menurut anak beliau, Datuk Mokhzani, Dr. Mahathir mengadu sakit dada pada pukul 11.30 malam tadi dan doktor merawatnya pada pukul 3 pagi di rumah sebelum dimasukkan ke IJN pada pukul 4.30 pagi.

Dalam pada itu, Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi yang diberitahu mengenai perkembangan itu bergegas ke IJN untuk melawat Dr. Mahathir.

Beliau yang hari ini mempunyai jadual kerja yang ketat tiba di IJN pada pukul 2.15 petang dan disambut Ketua Pegawai Eksekutif

IJN, Mohd. Radzif Mohd. Yunus dan Pakar Kardiologi IJN, Dr. Sanjev Joshi.

Perdana Menteri dibawa naik ke Wad CCU di tingkat satu bagi melawat Dr. Mahathir.

Perdana Menteri berada di situ selama 15 minit.

Menurut Mokhzani, Perdana Menteri amat prihatin terhadap kesihatan bapanya.

“Dalam pertemuan antara saya, doktor dan Perdana Menteri, beliau (Abdullah) meminta doktor yang merawat Tun melakukan yang terbaik dalam merawat beliau (Tun).

“Kami amat menghargai kunjungan Perdana Menteri hari ini,” ujar beliau.

Selain itu, turut melawat ialah Menteri Kewangan Kedua, Tan Sri Nor Mohamed Yacop dan bekas Timbalan Menteri Pelajaran, Datuk Mahadzir Khir.

Kata Mokhzani, kini ibunya berada di CCU menemani ayahnya.

Pengurus Perhubungan Komunikasi Korporat IJN, Alawiyah Yusof berkata, Dr. Mahathir dimasukkan ke institut itu setelah mengadu sakit dada.

Katanya, keadaan beliau (Tun) stabil dan akan dirawat selama seminggu sebelum dibenarkan pulang.

Tambahnya, Dr. Mahathir, pernah menjalani pembedahan pintasan arteri koronari di IJN pada 1989.

“Bekas Perdana Menteri itu sering membuat pemeriksaan kesihatan susulan di IJN dan kali terakhir beliau dimasukkan ke institut itu ialah pada Disember tahun lepas.

“Dr. Mahathir telah dinasihatkan supaya berehat dan hanya anggota keluarga terdekat dibenarkan melawat beliau,” katanya dalam satu kenyataan.

Sementara itu, Mokhzani berkata, jadual perjalanan yang ketat sejak dua hari lalu kemungkinan antara punca bapanya diserang sakit dada.

■ Lihat muka 2

Sambungan dari muka 1

Dr. M pulih setelah diserang sakit jantung ringan

“Di samping itu, semalam beliau menghadiri majlis rumah terbuka keluarga kami di Mines dan mengambil banyak makanan di samping berjumpa dengan ramai kawan, mungkin itu pun puncanya juga,” katanya.

Mokhzani menegaskan, bapanya cu-

ma diserang sakit dada yang ringan dan bukannya strok.

Apabila ditanya adakah Dr. Mahathir akan menghadiri Perhimpunan Agung UMNO pada minggu depan, beliau berkata: “Kami akan mengikuti nasihat doktor dan saya percaya ayah saya juga

akan mendengar apa yang doktor katakan kepadanya.”

Dalam wawancara dengan akhbar *The International Herald Tribune* awal minggu ini, beliau memberitahu, beliau mempunyai tiga saluran jantung yang tersumbat.